

Aidilfitri kembali kepada fitrah

Aidilfitri adalah hari atau puncak kemenangan manusia dalam pertentangan antara akal dan nafsunya. Ini kerana kejayaan berpuasa adalah keupayaan manusia untuk menundukkan dorongan nafsu yang sentiasa cenderung kepada pelanggaran ajaran Islam.

Aidilfitri juga bererti kembali kepada jati diri manusia sebagai hamba Allah SWT dengan merujuk kepada fitrah kejadian manusia. Sejak azali lagi roh kita bersaksi dan mengakui kebesaran Allah SWT serta berjanji untuk mentaati perintah-Nya.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Ingatlah ketika Tuhanmu mengambil janji daripada anak Adam sejak azali mereka dan mem-

persaksikannya atas diri mereka sendiri. Tidakkah Aku Tuhanmu? Mereka menjawab: Betul, kami memersaksikan atas itu tetapi kamu akan berkata pada Hari Kiamat, kami telah lalai mengenai hal ini." (Surah al-Araf, ayat 172)

Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ahmad Fakhruddin Mohammed Zabidi, berkata Aidilfitri lebih merujuk kembali kepada fitrah rohani selepas menjalani Ramadan yang juga bulan penyucian rohani.

Oleh itu, katanya, secara tidak langsung, Syawal juga diertikan dengan kegembiraan rohani yang kembali kepada fitralnya yang asli iaitu sentiasa tersyuhud (memandang) Ilahi dan berada dalam tadbir Ilahi.

"Justeru, sebagai membuktikan kebangantungan kepada Allah serta tanda meraikan kemenangan selepas berjaya melalui bulan Ramadan dengan baik, umat Islam digalakkan memperbanyakkan takbir, tahmid dan tasbih sebagai tanda memuji Allah," katanya.

Raikan dengan pengisian terbaik

Menurut Ahmad Fakhruddin, takbir, tahmid dan tasbih sebagai menyatakan manusia berada dalam tadbir Allah SWT kerana tanpanya mustahil kita dapat melakukan ibadat seperti berpuasa, membaca al-Quran dan amalan ibadat lain dengan berkesan.

Beliau berkata, mengembalikan pujian kepada Allah SWT diatas

anugerah ibadat yang diperoleh dan semua kurniaan-Nya tidak bertepi itu maka Aidilfitri mesti diisi dengan pengisian terbaik, melakukan perkara membawa kepada kegembiraan dalam batasan dibenarkan syarak.

"Pada pagi 1 Syawal, kita disunatkan untuk membersihkan diri (mandi sunat hari raya) dan memakai pakaian baru, menjamah makanan yang dapat menyatakan kegembiraan apabila melakukannya.

"Selain itu, kita juga digalakkan melakukan perkara menggembarakan orang lain seperti memberi duit raya, melakukan ziarah dan bermaaf-maafan. Amalan sunat ini tidak terbatas selagi ia tidak bertentangan dengan syarak," katanya.



Kita juga digalakkan melakukan perkara menggembarakan orang lain seperti memberi duit raya, ziarah dan bermaaf-maafan"

**Ahmad Fakhruddin
Mohammed Zabidi,**
Pensyarah Fakulti Pengajian
Islam, UKM